

**PENGURUSAN DISIPLIN DI TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR**

LAM LEE MEIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGURUSAN DISIPLIN DI TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH DAERAH
KOTA TINGGI, JOHOR

LAM LEE MEIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Falkuti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

DEDIKASI

*Kepada
Ibu bapa yang tersayang*

PENGHARGAAN

Pada mulanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya, Prof Madya Dr. Yusof Bin Boon. Sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan, beliau telah memberikan banyak pengetahuan dan dorongan kepada saya dan bersama-sama dengan saya menyelesaikan masalah yang saya temui.

Ribuan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang sentiasa memberi galakkan dan sokongan kepada saya pada bila-bila masa.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua-pengetua di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi yang memberikan kerjasama serta layanan yang sewajarnya sepanjang lawatan saya ke sekolah mereka.

Akhirnya, tidak ketinggalan juga ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Bantuan dan pertolongan yang diberikan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar di tiga buah sekolah menengah daerah Kota Tinggi. Kajian ini telah menjelaskan tentang tahap pengetahuan dan tahap amalan guru berdasarkan Model Pengurusan Disiplin Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). Sampel kajian merupakan semua guru di ketiga-tiga buah sekolah menengah yang dipilih di daerah Kota Tinggi. Objektif kajian adalah untuk melihat tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin berdasarkan elemen-elemen yang dinyatakan dalam Model Pengurusan Disiplin Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Skala Likert telah digunakan untuk mengukur maklum balas di dalam soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan Perisian SPSS Versi 18.0 untuk mendapatkan min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar adalah tinggi dengan min 4.40 dan sisihan piawai 0.14. Tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar juga adalah tinggi dengan min 4.31 dan sisihan piawai 0.13. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin berdasarkan faktor jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar.

ABSTRACT

This study aimed to identify the knowledge and the implementation of teachers in student's discipline management in three secondary schools in Kota Tinggi district. This research had explained the level of knowledge and the level of implementation of teacher based on the elements in Model of Students Discipline Management of Malaysia Educational Ministry (1988). The samples for the study came from teachers from three secondary schools chosen in Kota Tinggi district. The purpose for selecting these samples was to know the teachers' knowledge and implementation levels of student's discipline management, based on the elements in Model of Students Discipline Management of Malaysia Educational Ministry (1988). The data collected were used as questionnaire in the research instrument. The response to the questionnaire was measured with Likert Scale and analysed by Statistical Packages for the Social Science (SPSS) version 18.0 to get the mean and standard deviation. The study shows that the level of knowledge in students discipline management was high with the mean value 4.40 and standard deviation value 0.14. The level of implementation in students discipline management was also high with the mean value 4.31 and standard deviation 0.13. The study also showed that there was no difference between the level of knowledge with the factor gender, ethnic and the period of services as a teacher. The study also showed that there was no significant relationship between the level of knowledge and the level of implementation in students discipline management.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|----------------------------|-------------------|
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xiii |
| | SENARAI RAJAH | xvi |
| | SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xviii |
| | | |
| 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.0 Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.2 Pernyataan Masalah | 5 |
| | 1.3 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.4 Persoalan Kajian | 8 |
| | 1.5 Hipotesis Kajian | 9 |
| | 1.6 Kerangka Model | 10 |
| | 1.7 Kerangka Kajian | 11 |
| | 1.8 Rasional Kajian | 12 |
| | 1.9 Kepentingan Kajian | 13 |
| | 1.10 Skop Kajian | 13 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 1.11 | Batasan Kajian | 14 |
| 1.12 | Definisi Konsep dan Operasional | 14 |
| 1.12.1 | Disiplin | 14 |
| 1.12.2 | Pengurusan Disiplin | 15 |
| 1.12.3 | Pengetahuan | 16 |
| 1.12.4 | Amalan | 16 |
| 1.12.5 | Jantina | 17 |
| 1.12.6 | Kaum | 17 |
| 1.12.7 | Tempoh Perkhidmatan | 17 |
| 1.12.8 | Guru | 18 |
| 1.12.9 | Pelajar | 18 |
| 1.13 | Penutup | 19 |
| 2 | TINJAUAN LITERATUR | 20 |
| 2.0 | Pengenalan | 20 |
| 2.1 | Konsep Disiplin | 21 |
| 2.2 | Tujuan Disiplin | 22 |
| 2.3 | Masalah Disiplin Pelajar | 22 |
| 2.4 | Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Disiplin Pelajar | 23 |
| 2.4.1 | Faktor Keluarga | 24 |
| 2.4.2 | Faktor Rakan Sebaya | 25 |
| 2.4.3 | Faktor Diri Pelajar | 26 |
| 2.4.4 | Faktor Sekolah | 27 |
| 2.5 | Teori Dan Model Pengurusan Disiplin | 29 |
| 2.5.1 | Model Perubahan Tingkah Laku | 29 |
| 2.5.2 | Model Disiplin Asertif Canter | 30 |
| 2.5.3 | Model Akibat Logikal Dreikurs | 31 |
| 2.5.4 | Model Pengurusan Kelompok Kounin | 32 |
| 2.5.5 | Model Terapi Realiti Glasser | 33 |
| 2.6 | Model Pengurusan Disiplin Pelajar Kementerian Pelajaran Malaysia | 34 |
| 2.7 | Kajian Lalu Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar | 37 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 2.7.1 | Kajian Dalam Negara | 37 |
| 2.7.2 | Kajian Luar Negara | 40 |
| 2.8 | Penutup | 43 |
| 3 | METODOLOGI | 44 |
| 3.0 | Pengenalan | 44 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 44 |
| 3.2 | Lokasi Kajian | 45 |
| 3.3 | Subjek Kajian | 45 |
| 3.3.1 | Populasi Kajian | 45 |
| 3.3.2 | Sampel Kajian | 46 |
| 3.4 | Instrumentasi | 46 |
| 3.4.1 | Bahagian A: Demografi | 47 |
| 3.4.2 | Bahagian B dan C: Tahap Pengetahuan dan Tahap Amalan Pengurusan Disiplin | 47 |
| 3.5 | Kajian Rintis | 49 |
| 3.6 | Dapatan Kajian Rintis | 50 |
| 3.7 | Prosedur Kajian | 51 |
| 3.8 | Analisis Data | 52 |
| 3.9 | Penutup | 54 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 55 |
| 4.0 | Pengenalan | 55 |
| 4.1 | Latar Belakang Responden | 55 |
| 4.1.1 | Jantina Responden | 56 |
| 4.1.2 | Umur Responden | 56 |
| 4.1.3 | Kaum Responden | 57 |
| 4.1.4 | Tempoh Perkhidmatan Responden | 58 |
| 4.2 | Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian | 58 |
| 4.2.1 | Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar | 59 |

| | | |
|---------|--|----|
| 4.2.1.1 | Tahap Pengetahuan Guru Dari Segi Peraturan-Peraturan Pelaksanaan Disiplin Sekolah | 59 |
| 4.2.1.2 | Tahap Pengetahuan Guru Dari Segi Hukuman Perlanggaran Disiplin Sekolah | 62 |
| 4.2.1.3 | Tahap Pengetahuan Guru Dari Segi Tanggungjawab Guru Dalam Pengurusan Disiplin Di Sekolah | 65 |
| 4.2.1.4 | Tahap Pengetahuan Keseluruhan Guru Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar | 68 |
| 4.2.2 | Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Amalan Guru Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar | 68 |
| 4.2.2.1 | Tahap Amalan Guru Dari Segi Peraturan-Peraturan Pelaksanaan Disiplin Sekolah | 69 |
| 4.2.2.2 | Tahap Amalan Guru Dari Segi Hukuman Perlanggaran Disiplin Sekolah | 72 |
| 4.2.2.3 | Tahap Amalan Guru Dari Segi Tanggungjawab Guru Dalam Pengurusan Disiplin Di Sekolah | 75 |
| 4.2.2.4 | Tahap Amalan Keseluruhan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar | 78 |
| 4.2.3 | Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar berdasarkan demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan) | 78 |
| 4.2.3.1 | Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Demografi Jantina | 79 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 4.2.3.2 | Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Demografi Kaum | 79 |
| 4.2.3.3 | Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Demografi Tempoh Perkhidmatan | 80 |
| 4.2.4 | Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat perbezaan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan) | 81 |
| 4.2.4.1 | Tahap Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Demografi Jantina | 81 |
| 4.2.4.2 | Tahap Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Demografi Kaum | 82 |
| 4.2.4.3 | Tahap Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Demografi Tempoh Perkhidmatan | 83 |
| 4.2.5 | Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar | 83 |
| 4.3 | Penutup | 84 |
| 5 | RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN | 85 |
| 5.0 | Pengenalan | 85 |
| 5.1 | Rumusan | 85 |
| 5.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 87 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.2.1 | Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar | 87 |
| 5.2.2 | Tahap Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar | 88 |
| 5.2.3 | Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar Berdasarkan Demografi (Jantina, Kaum dan Tempoh Perkhidmatan) | 90 |
| 5.2.4 | Tahap Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Berdasarkan Demografi (Jantina, Kaum dan Tempoh Perkhidmatan) | 90 |
| 5.2.5 | Hubungan Signifikan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Tahap Amalan Guru Dalam Pengurusan Disiplin Pelajar | 91 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 92 |
| 5.3.1 | Implikasi Kepada Pihak Sekolah | 92 |
| 5.3.2 | Implikasi Kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) | 93 |
| 5.3.3 | Implikasi Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) | 93 |
| 5.4 | Cadangan | 94 |
| 5.4.1 | Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian | 94 |
| 5.4.2 | Cadangan Kajian Lanjutan | 95 |
| 5.5 | Penutup | 97 |
| | RUJUKAN | 98 |
| | LAMPIRAN | 103 |

SENARAI JADUAL

| NO JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|--|-------------------|
| 3.1 | Bilangan guru di tiga buah sekolah menengah | 46 |
| 3.2 | Taburan item mengikut pengetahuan dan amalan pengurusan disiplin pelajar oleh guru-guru di tiga buah sekolah menengah daerah Kota Tinggi | 48 |
| 3.3 | Skala Likert dalam kajian | 49 |
| 3.4 | Pekali Alpha Cronbach | 50 |
| 3.5 | Nilai pekali kebolehpercayaan bagi persoalan kajian tentang tahap pengetahuan guru | 51 |
| 3.6 | Nilai pekali kebolehpercayaan bagi persoalan kajian tentang tahap amalan guru | 51 |
| 3.7 | Ringkasan pengujian statistik objektif kajian | 53 |
| 4.1 | Taburan responden mengikut jantina | 56 |
| 4.2 | Taburan responden mengikut umur | 57 |
| 4.3 | Taburan responden mengikut kaum | 57 |
| 4.4 | Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan | 58 |

| | | |
|------|--|----|
| 4.5 | Taburan responden mengikut pengetahuan tentang peraturan-peraturan pengurusan disiplin pelajar | 61 |
| 4.6 | Taburan responden mengikut pengetahuan tentang hukuman pelanggaran disiplin pelajar | 64 |
| 4.7 | Taburan responden mengikut pengetahuan tentang tanggungjawab guru dalam pengurusan disiplin pelajar | 67 |
| 4.8 | Tahap pengetahuan keseluruhan guru tentang pengurusan disiplin pelajar mengikut min dan sisihan piawai | 68 |
| 4.9 | Taburan responden mengikut amalan tentang peraturan-peraturan pengurusan disiplin pelajar | 71 |
| 4.10 | Taburan responden mengikut amalan tentang hukuman pelanggaran disiplin pelajar | 74 |
| 4.11 | Taburan responden mengikut amalan tentang tanggungjawab guru dalam pengurusan disiplin pelajar | 77 |
| 4.12 | Tahap amalan keseluruhan guru dalam pengurusan disiplin pelajar mengikut min dan sisihan piawai | 78 |
| 4.13 | Ujian-t antara tahap pengetahuan responden mengikut jantina | 79 |
| 4.14 | Ujian ANOVA sehala antara tahap pengetahuan responden mengikut kaum | 80 |

| | | |
|------|--|----|
| 4.15 | Ujian ANOVA sehalala antara tahap pengetahuan responden mengikut tempoh perkhidmatan | 80 |
| 4.16 | Ujian-t antara tahap amalan responden mengikut jantina | 81 |
| 4.17 | Ujian ANOVA sehalala antara tahap amalan responden mengikut kaum | 82 |
| 4.18 | Ujian ANOVA sehalala antara tahap amalan responden mengikut tempoh perkhidmatan | 83 |
| 4.19 | Ujian Korelasi Pearson antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar | 84 |

SENARAI RAJAH

| NO RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|--|-------------------|
| 1.1 | Model Pengurusan Disiplin Pelajar Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) | 10 |
| 1.2 | Kerangka konsep kajian berdasarkan Model Pengurusan Disiplin Pelajar Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) | 11 |
| 2.1 | Model Pengurusan Disiplin Pelajar Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) | 34 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|------|---|--------------------------------|
| KPM | - | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| SMK | - | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| PIBG | - | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| p | - | Nilai signifikan |
| r | - | Pekali Korelasi Pearson |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| A | Borang Soal Selidik | 103 |
| B | Ujian Statistik | 110 |
| C | Surat Kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia | 116 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sekolah merupakan institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam merubah kehidupan masyarakat. Sekolah adalah pengubah minda dan penentu kepada budaya dan pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, pelajar-pelajar di sekolah sepatutnya mendapat bukan sahaja pengetahuan dan kebolehan intelektual yang diuji melalui peperiksaan, tetapi juga kebolehan intelektual, mutu moral dan sosial secara amnya, di mana ketiga-tiga aspek ini tidak diuji secara formal. Tujuan am penanaman kesedaran tentang betul dan salah ke dalam diri pelajar, menghalang dan mengelakkan dari berkelakuan yang tidak dikehendaki, adalah diikuti dengan cara larangan berkelakuan demikian bersama dengan mengenakan hukuman sekiranya larangan itu tidak dipatuhi (Kememterian Pelajaran Malaysia(KPM), 1988).

Namun demikian, sejak kebelakangan ini masalah disiplin pelajar semakin serius dan sering dibangkitkan oleh masyarakat, sama ada menerusi media atau laporan-laporan secara terus kepada KPM. Indeks permasalahan serta pelanggaran disiplin yang serius di kalangan pelajar yang menjadi-jadi dalam kawasan sekolah terutama di sekolah menengah telah menjadi masalah yang merunsingkan semua pihak di negara ini. Bukan sahaja di Malaysia, masalah disiplin pelajar juga menjadi isu universal yang dihadapi oleh semua sekolah di dunia (Cotton, 2001).

Pada masa dahulu, masalah disiplin pelajar hanya setakat kenakalan seperti

melawan guru, melanggar peraturan kelas, tidak memenuhi keperluan kerja sekolah, merosakkan harta benda awam, tiada kekemasan diri dan sebagainya. Namun sejak akhir ini tingkah laku mereka semakin berani dengan melakukan pelbagai salah laku termasuklah ponteng sekolah, bergaduh, peras ugut, berjudi, merokok, mencuri, memukul pelajar, berkunjung ke pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Ia menimbulkan banyak persoalan tentang bagaimana perbuatan salah laku seumpama ini boleh dilakukan oleh golongan pelajar sekolah yang berlawanan dengan apa yang sepatutnya diamalkan dan dipelajari oleh seorang pelajar.

Masalah disiplin pelajar boleh memberi implikasi yang sangat serius jika tidak dibendung pada peringkat awal lagi. Sebagai contoh di Amerika Syarikat, perbuatan keganasan seperti penggunaan senjata api untuk mencederakan orang lain telah dilakukan oleh pelajar yang bermasalah disiplin (Benbenishty dan Astor, 2008). Betapa seriusnya masalah disiplin di sekolah terbukti apabila 80 peratus masa guru diperuntukan dalam menguruskan disiplin pelajar (Khalim, 2009).

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan pelajar melakukan perbuatan-perbuatan melanggar disiplin. Faktor-faktor ini lazimnya boleh dikategori kepada dua jenis iaitu faktor dalam dan luar sekolah. Faktor luar sekolah seperti keluarga, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran adalah sangat kompleks dan di luar kawalan pentadbir sekolah (Khalim, 2009). Pihak sekolah menghadapi kesukaran untuk menangani masalah salah laku pelajar sekiranya faktor penyebabnya berpunca dari luar sekolah. Oleh itu, tugas sebagai pentadbir sekolah sepatutnya fokus kepada faktor dalam sekolah yang boleh dikawal dan diubah seperti mewujudkan iklim persekolahan dan pembelajaran yang selamat, bersih, segar serta prihatin (Liong, 2006).

Masalah disiplin pelajar tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ia melibatkan banyak faktor yang boleh mendatangkan kerosakan terutamanya kepada diri remaja, agama dan negara. Ini kerana pelajar merupakan aset negara paling berharga yang akan menentukan masa depan masyarakat dan negara. Kegagalan membendung

masalah ini sudah pasti memberi gambaran yang kurang baik terhadap masa depan negara.

Adalah menjadi satu cabaran kepada fungsi sekolah sebagai sebuah institusi yang membentuk dan mendidik anak bangsa mengikut kehendak dan acuan wawasan negara. Semua pihak yang terlibat dalam institusi sekolah seperti pihak kerajaan, pentadbir, guru, ibubapa dan pelajar mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan. Isu disiplin dan keselamatan pelajar dalam abad ke-21 sudah menjadi semakin kompleks dan usaha untuk menanganinya perlu dilaksanakan melalui pendekatan yang holistik.

1.1 Latar Belakang Masalah

Dasar pendidikan di Malaysia bertujuan untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan seterusnya melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan, berakhlak mulia, berketerampilan serta bertanggungjawab. Bagi menjamin tercapainya matlamat tersebut golongan remaja, khususnya para pelajar perlu mendapat didikan dan bimbingan yang sempurna bagi menjadi pelajar yang berdisiplin tinggi dengan sahsiah yang sesuai.

Namun, masalah pelanggaran disiplin di sekolah merupakan isu masyarakat yang tidak henti-henti dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Kejadian melanggar disiplin di sekolah-sekolah itu bukanlah merupakan perkara baru berlaku tetapi telah wujud dari dahulu dalam sistem pendidikan. Menurut Khalim et al (2007), pada tahun 1999 Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat kajian tentang masalah disiplin di kalangan pelajar di Malaysia. Hasilnya didapati masalah ponteng melibatkan 30,375 pelajar, kurang sopan melibatkan 16,781 pelajar dan jenayah melibatkan 10,463 pelajar. Ini merupakan tiga jenis salah laku yang sering dilakukan oleh pelajar.

Pada tahun 2003 pula, sebanyak 3,627 kes jenayah membabitkan pelajar telah dicatatkan dan jumlah itu meningkat 22.7 peratus berbanding 2,955 kes pada tahun sebelumnya. Masalah perlakuan jenayah ini melibatkan pelajar dan remaja berumur 7 hingga 18 tahun (Utusan Malaysia, 25 Mac 2004).

Pada tahun 2010, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Kah Siong berkata mengikut rekod Kementerian Pendidikan Malaysia, 111,484 pelajar atau 72,557 pelajar sekolah menengah dan 38,927 murid sekolah rendah dikesan terbabit pelbagai salah laku disiplin iaitu kira-kira tiga peratus daripada keseluruhan pelajar di sekolah menengah dan rendah di negara ini terbabit dengan sebarang salah laku disiplin. Katanya, antara kes salah laku disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar termasuklah kes jenayah (17,595 kes), ponteng sekolah (19,545 kes), kelakuan kurang sopan (18,346 kes), kekemasan diri (21,384 kes), tidak mementingkan masa (17,808 kes), kelucahan (3,031 kes), vandalisme (5,212 kes) dan kenakalan (8,563 kes) (Berita Harian, 28 Disember 2010).

Jika melihat angka-angka tersebut timbul perasaan gerun tentang nasib yang akan menimpa negara kita kerana bakal pemimpin negara berada dalam kelompok pelajar-pelajar ini. Mereka mempunyai pengaruh besar terhadap keadaan sosial, politik dan ekonomi. Merekalah yang akan memegang tampuk pentadbiran, penggerak ekonomi dan pembangun generasi. Oleh itu, bagi mengelak masalah disiplin ini menjadi lebih berat, maka disiplin pelajar hendaklah diberi penekanan yang sesungguhnya oleh semua pihak yang terlibat.

Pelbagai pandangan telah dikemukakan oleh masyarakat tentang perlunya tindakan tegas diambil bagi menangani masalah disiplin yang semakin merosot di sekolah (Khalim, 2009). Namun, apabila tindakan tegas diambil, pihak sekolahlah yang akan dipersalahkan sekiranya berlaku tindakan guru yang agak melampaui batas terhadap pelajar bermasalah disiplin seperti mencubit yang keterlaluan, merotan sehingga meninggalkan kesan, mengarahkan pelajar berdiri dalam jangka masa yang agak lama dan sebagainya. Daripada tindakan-tindakan yang sering dipaparkan oleh media massa menunjukkan guru-guru seolah-olah tidak ada suatu

garis panduan dalam menangani pelajar yang tidak berdisiplin. Sebenarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan pekeliling khusus tentang tatacara menangani pelajar yang tidak berdisiplin di sekolah. Pihak kementerian menyedari bahawa tugas mendisiplinkan pelajar merupakan sesuatu yang berat, tetapi sedar tanpa disiplin yang tegas suasana kondusif tidak akan wujud (Khalim, 2009).

Bertambahnya pelanggaran disiplin di kalangan pelajar telah menimbulkan pertanyaan umum tentang keberkesanan segala dasar dan peraturan yang digunakan untuk peningkatan dan pengukuhan disiplin di sekolah. Timbul isu di sini sama ada guru-guru kita mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi dalam menangani masalah disiplin di sekolah. Adakah amalan yang diamalkan oleh guru berkesan dalam mengurus disiplin pelajar. Dengan persoalan tersebut pengkaji merasakan perlu mengkaji tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Disiplin adalah aspek yang penting dalam pengurusan sesebuah sekolah. Oleh itu pengurusan disiplin hendaklah diberi perhatian yang serius oleh para pendidik. Namun demikian, kejahilan daripada aspek peraturan dan perundangan sekolah kadang-kadang menyebabkan banyak masalah disiplin di sekolah tidak dapat diselesaikan dengan sempurna. Sekiranya masalah itu dapat diselesaikan pada peringkat sekolah, masih terdapat ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan tindakan itu. Para pendidik juga terpaksa menghadapi risiko yang tinggi apabila berhadapan dengan masalah disiplin kerana tanpa memahami prosedur untuk mengambil tindakan terhadap masalah tersebut, ibu bapa boleh mendakwa guru ataupun sekolah di mahkamah (Mohd Ismail, 2008).

Dalam menyelesaikan masalah disiplin di sekolah ramai guru telah menyerahkan masalah tersebut kepada guru-guru tertentu atau menyerahkannya kepada pengetua atau guru besar walaupun masalah yang ditimbulkan oleh pelajar adalah masalah yang remeh-temeh. Sebenarnya semua guru di sebuah sekolah harus menghayati dan memahami bahawa semua guru adalah bertanggungjawab dalam hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar.

Seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Profesional Kementearan Pelajaran Bil. 8/1968 mengenai Tatatertib Di Sekolah-Sekolah pada perenggan 5 menyatakan, "...tiap-tiap guru hendaklah dapat menyelesaikan kebanyakan dari masalah-masalah tatatertib dan perkara-perkara kecil janganlah diserahkan kepada guru-guru besar oleh kerana ini akan menjadi perkara biasa. Hanya tatatertib yang berat yang harus diserahkan kepada guru-guru besar".

Dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 mengenai Disiplin Di Sekolah, Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid pula menyatakan, "Adalah seperti tuan termaklum, satu di antara tujuan pelajaran ialah untuk menanamkan asas disiplin ke dalam hati sanubari murid-murid sekolah. Ini bukan tugas dan tanggungjawab guru besar sahaja, bahkan tugas dan tanggungjawab semua guru lain. Oleh hal yang demikian semua guru hendaklah juga memahami benar-benar bahawa tiap-tiap mereka itu adalah bertanggungjawab untuk memelihara disiplin sesebuah sekolah dan janganlah hendaknya perkara-perkara kecil pun diserahkan kepada guru besar kerana hal ini akan menjadi satu perkara biasa sahaja. Sepatutnya, kesalahan yang berat sahaja yang harus diakukan kepada guru besar untuk mendapat keputusan".

Guru adalah perantara penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan dalam pengendalian bilik darjah. Dalam kata lain, guru bukan sahaja mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam mengajar tetapi juga mengurus dan mendidik, iaitu membentuk sikap, nilai dan akhlak murid-murid melalui pengajaran formal, tidak formal dan melalui perlakuan diri sendiri yang baik (KPM, 1988).

Guru memainkan peranan yang penting dalam mendisiplinkan murid. Ini adalah kerana guru adalah orang yang paling rapat dan merupakan perantara langsung antara murid dengan kehendak sekolah dan sistem pendidikan. Oleh itu, pelaksanaan disiplin sekolah adalah tanggungjawab dan tugas hakiki semua guru dan bukan tanggungjawab guru besar atau pengetua, guru-guru penolong kanan dan guru-guru disiplin sehaja. Sehubungan itu, guru-guru seharusnya mencari pendekatan pembentukan dan pemupukan disiplin yang sesuai supaya mencapai matlamat akhir iaitu, penanaman penghayatan disiplin yang tinggi dalam jiwa sanubari setiap murid (Ang, 2007).

Memandangkan guru memikul bebanan yang berat dalam mengurus disiplin pelajar, maka pengkaji ingin mengkaji apakah tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah menengah. Ekoran daripada permasalahan yang dibincangkan, pengkaji telah memilih tiga buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi sebagai tempat kajian untuk melihat tahap pengetahuan dan tahap amalan guru-guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Tinggi.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Tinggi.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk

- i. Mengetahui tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar.
- ii. Mengetahui tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar.

- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar berdasarkan demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).
- v. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut,

- i. Apakah tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar?
- ii. Apakah tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar berdasarkan demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis null dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti yang berikut:

Hipotesis null 1:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar berdasarkan jantina.

Hipotesis null 2:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar berdasarkan kaum.

Hipotesis null 3:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin pelajar berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Hipotesis null 4:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan jantina.

Hipotesis null 5:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan kaum.


Hipotesis null 6:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Hipotesis null 7:


Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar.

1.6 Kerangka Model



Rajah 1.1 Model Pengurusan Disiplin Pelajar Kementerian Pelajaran Malaysia (1988)

1.7 Kerangka Kajian



Rajah 1.2 Kerangka konsep kajian berdasarkan Model Pengurusan Disiplin Pelajar Kementerian Pelajaran Malaysia (1988)

1.8 Rasional Kajian

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru adalah suatu unsur yang sama penting nilainya dengan murid di dalam bilik darjah. Seseorang guru mempunyai peranan dan tanggungjawab bukan sahaja setakat mengajar tetapi juga mendidik iaitu membentuk sikap, nilai dan akhlak pelajar melalui pelaksanaan disiplin yang baik.

Guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan disiplin sekolah kerana guru adalah orang yang rapat sekali dan mempunyai hubungan langsung dengan murid-murid (KPM, 1988). Oleh itu, pelaksanaan disiplin sekolah adalah tanggungjawab dan tugas semua warga sekolah termasuk setiap orang guru dan bukan semata-mata tanggungjawab dan tugas guru besar, guru penolong kanan atau guru disiplin sahaja.

Di dalam melaksanakan tugas ini, guru seharusnya mencari pendekatan-pendekatan yang sesuai supaya mencapai matlamat akhir iaitu membentuk disiplin yang baik dalam diri pelajar-pelajar itu sendiri. Disiplin diri sendiri ini sepatutnya datang dari kerelaan dan kesukaan hatinya sendiri, dan bukan disebabkan oleh paksaan atau perasaan takut. Untuk mencapai matlamat akhir ini, guru-guru sendiri seharusnya mempunyai disiplin yang baik dan menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada murid-murid dengan sentiasa bertatertib, berbudi bahasa, bersopan santun, bertimbang rasa dan bersimpati serta bijak dalam menghadapi masalah (KPM, 1998).

Disiplin yang baik di kalangan pelajar-pelajar boleh dicapai sekiranya guru mempunyai sifat dedikasi dan sikap yang positif, membina lagi menggalakkan, bukan sahaja terhadap tanggungjawab dan tugasnya bahkan juga terhadap pelajar-pelajar serta dirinya sendiri (KPM, 1998).

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bukan sahaja kepada guru-guru, pentadbir dan juga pihak sekolah, ianya juga boleh dijadikan panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini membolehkan pelbagai pihak membuat penambahbaikan dalam proses pengurusan disiplin pelajar terutamanya guru-guru dapat melihat kekurangan yang ada pada diri mereka dalam menguruskan disiplin pelajar dan bertanggungjawab dalam menanganinya demi kecemerlangan prestasi sekolah.

Selain daripada itu, kajian ini juga dapat menjadi garis panduan kepada pihak pentadbir untuk merancang, mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menanganikan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah seperti mengkaji semula peraturan yang sedia ada dalam menangani masalah-masalah disiplin yang wujud di sekolah menengah.

Melalui kajian ini juga pihak Pejabat Pelajaran Daerah atau Jabatan Pelajaran Negeri boleh menyediakan program-program latihan atau kursus kepada guru-guru dan memberi panduan tugas agar mereka mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh kementerian dan jabatan dalam menjalankan tugas pengurusan disiplin pelajar di sekolah masing-masing.

1.10 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah fokus kepada tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah menengah. Kajian ini juga memfokuskan kepada tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan guru. Hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan guru

dalam pengurusan disiplin pelajar juga turut dikaji. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi.

1.11 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan yang harus diambil kira iaitu kajian ini hanya dijalankan di sekolah menengah sekitar bandar daerah Kota Tinggi. Hanya tiga buah sekolah menengah sahaja yang dipilih untuk menjadi sampel kajian. Kajian ini hanya menumpukan kepada tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah menengah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini hanya melibatkan kaedah soal selidik sahaja. Justeru itu, kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik amat diperlukan. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah sangat bergantung kepada kejujuran jawapan yang diberikan oleh responden.

1.12 Definisi Konsep dan Operasional

1.12.1 Disiplin

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) mendefinisikan disiplin sebagai kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkahlaku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat-menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong-menolong dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

Mok (1995) dalam Mohd Ismail (2008) berpendapat dalam konteks masyarakat, disiplin bermaksud peraturan yang dipersetujui oleh ahli-ahli bagi mewujudkan tingkah laku yang sesuai demi menjamin kesempurnaan kehidupan mereka dalam masyarakat itu.

Dalam kajian ini, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman atau ganjaran (Mohd Ismail, 2008).

1.12.2 Pengurusan Disiplin

Menurut Mohd Ismail (2008), pengurusan disiplin melibatkan tiga aspek tindakan iaitu penyediaan asas-asas kawalan tata tertib terutama sekali penentuan kesalahan tata tertib, pelaksanaan proses tata tertib dan mengenakan hukuman tata tertib. Kebanyakan sekolah menggunakan peraturan-peraturan sekolah yang berasaskan kepada undang-undang dan pekeliling yang sedia ada yang diterima oleh sekolah dari semasa ke semasa. Menurut Abd Rahman (1995) dalam Mohd Ismail (2008), pengetua dan guru besar akan mengagihkan dan menurunkan kuasa pelaksanaan kawalan tata tertib kepada Badan Disiplin, Lembaga Pengawas untuk menyasat, membicarakan dan mengenakan hukuman kepada pelajar yang melakukan kesalahan.

Sistem pengurusan disiplin yang baik haruslah berpandukan kepada peraturan-peraturan oleh Kementerian Pelajaran melalui pekeliling-pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan dari semasa ke semasa (Mohd Ismail, 2008). Surat Pekeliling Bil. 9/1975 di bawah Perkara 4, menjelaskan bahawa 'tiap-tiap sekolah hendaklah mempunyai peraturan-peraturan sekolah masing-masing secara bertulis. Peraturan-peraturan itu hendaklah mengandungi maksud-maksud yang jelas dan tiap-tiap pelajar mestilah mengetahuinya'.

Dalam kajian ini, pengurusan disiplin bermaksud langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menanam kesedaran tentang betul dan salah ke dalam diri murid, menghalang dan mengelakkan dari berkelakuan yang tidak dikehendaki, serta diikuti dengan cara larangan berkelakuan demikian bersama dengan cara mengenakan hukuman sekiranya larangan itu tidak dipatuhi. Dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat berjalan dengan lancar serta dapat mewujudkan iklim sekolah yang kondusif.

1.12.3 Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan (1996), pengetahuan didefinisikan sebagai perihal mengetahui, kepandaian dan kebijaksanaan. Pengetahuan boleh diberikan definisi yang pelbagai bergantung kepada konteks dan berkait rapat dengan makna, maklumat, pembelajaran dan sebagainya. Pengetahuan juga boleh ditafsirkan sebagai keadaan mengetahui iaitu persepsi yang jelas tentang fakta, kebenaran, tugas, masa hadapan dan kognisi. Pemahaman dan kesedaran tentang fakta, kebenaran dan maklumat diperolehi menerusi pengalaman atau pembelajaran.

Dalam kajian ini pengetahuan bermaksud pemahaman guru tentang aspek-aspek dalam pengurusan disiplin pelajar.

1.12.4 Amalan

Menurut Kamus Dewan (1996), amalan didefinisikan sebagai sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan atau dikerjakan.

Dalam kajian ini amalan bermaksud kaedah, teknik, strategi dan prosedur yang digunakan oleh guru-guru dalam pengurusan disiplin pelajar.

1.12.5 Jantina

Menurut Kamus Dewan (1996), jantina bermaksud jenis kelamin iaitu lelaki atau perempuan. Sifat kelelakian dan sifat perempuan adalah dua dimensi personaliti yang dapat diasingkan dan berubah secara bebas.

Dalam kajian ini jantina bermaksud guru-guru lelaki dan guru-guru perempuan.

1.12.6 Kaum

Menurut Kamus Dewan (1996), kaum bermaksud golongan orang sebagai sebahagian daripada satu bangsa yang besar atau suku bangsa. Kaum juga boleh ditakrifkan sebagai perkataan lain bagi bangsa.

Dalam kajian ini kaum merujuk kepada kaum responden yang terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain.

1.12.7 Tempoh Perkhidmatan

Dalam kajian ini tempoh perkhidmatan boleh dikira mulai tarikh pelantikan pertama guru-guru dalam perkhidmatan.

1.12.8 Guru

Menurut Kamus Dewan (1996), guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar, dan pengasuh. Guru bertanggungjawab sebagai kaunselor, pengadil, polis, hakim, pelakon, kerani, jururawat, pensyarah, penulis, setiausaha, pekerja sosial dan lain-lain.

Guru-guru perlu cekap memberikan kebebasan kepada pelajar dalam menggunakan kebolehan mereka. Kecekapan guru juga merangkumi kebolehan berkomunikasi dengan orang lain, membawa idea-idea baru, membuat keputusan, sentiasa membuat kajian dan berupaya mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif. Guru adalah model yang menjadi contoh kepada para pelajar. Guru bertanggungjawab membina hubungan dengan setiap pelajar dan memandang mereka sebagai individu yang unik.

Dalam kajian ini guru bermaksud seorang yang terlatih dalam bidang perguruan yang mempunyai kelayakan akademik yang berbeza di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru-guru dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar di 3 buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi yang bukan sahaja terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga bertanggungjawab dalam menjalankan semua aktiviti yang berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulum sekolah.

1.12.9 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1996), mentakrifkan pelajar sebagai murid atau penuntut. Pelajar adalah golongan orang yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Pelajar pula membawa maksud, “sesiapa yang berada di bangku sekolah dan bertujuan untuk mendapatkan pelajaran secara formal sama ada di sekolah menengah ataupun sekolah rendah”.

Dalam kajian ini pelajar merujuk kepada pelajar lelaki dan perempuan yang sedang mengikuti pengajian di ketiga-tiga buah sekolah menengah yang dipilih sebagai sampel kajian.

1.13 Penutup

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan strategi guru-guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Tinggi. Latar belakang masalah disiplin sekolah pada masa kini telah dibincangkan bagi mengenal pasti objektif dan persoalan kajian. Bab seterusnya akan melihat dan memaparkan beberapa hasil kajian lepas tentang pengurusan disiplin pelajar sama ada dari dalam negeri atau luar negeri.

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahya. (2005), *Mengurus Hal Ehwal Pelajar*, PTS Publication, Selangor.
- Ang J. E. (2007). *Pengurusan Disiplin Murid*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya. et.al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Barnett, M. (2004). A Qualitative Analysis of Family Support and Interaction Among African American College Students at an Ivy League University. *Jurnal of Negro Education*. Washinton DC: Howard, 1-16.
- Benbenishty, R. & Astor, R.A. (2008). School Violence in An International Context: A Call for Global Collaboration in Research and Prevention. *International Journal of Violence and School* -7- December 2008.
- Berndt, T. J. (1979). Developmental Changes in Conformity to Peers and Parents. *Developmental Psychology*, Vol. 15, No. 6. 608–616.
- Burden, P. R. (2003). *Classroom management: Creating a successful learning community* (2nd ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Cotton, K. (2001). *Schoolwide and classroom Discipline*. School Improvement Research Series, Northwest Regional Educational Laboratory.
- Duckworth, K. (1984). *School Discipline Policy: A Problem of balance*. Eugene, Oregon: Center for Eduacional Policy and Management.

- Duke, D.L. and Canady, R.L. (1991) *School Policy*, New York: McGraw-Hill.
- Evertson, C. M., Emmer, E. T., & Worsham, M. E. (2003). *Classroom management for elementary teachers* (6th Edition). Boston: Allyn and Bacon.
- Gaustad, J. (1991). *Schools Respond to Gangs and Violence*. OSSC Bulletin. Vol. 3 (2). Eugene, Oregon: Oregon School Study Council.
- Gottfredson, D.G. & Others (1989). *Reducing Disorderly Behavior In Middle Schools*. Baltimore, Maryland: Center for Research on Elementary and Middle Schools.
- Gottfredson, D.G. and McNeil, R. (1991). Social area influences on delinquency: A multilevel analysis. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 28, 197-226.
- Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel (2008). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Oxford Fajar Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor.
- Halpin, A.W. & Croft D.B. 1963. *The organizational climate of school*. Chicago: Midwest Administration Center, University of Chicago.
- Hazil Abd. Hamid (1990). *Sosiologi Pendidikan Dalam Perspektif Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Howard, E.R. 1974. School climate improvemen. *Education Digest* 39 (8): 333-336.
- Jacobvitz, D.B. dan Bush, N.F. (1996). Reconstructions of Family Relationships: Parent-Child Alliences, Personal Distress, and Self Esteem. *Developmental Psychology*, 32(4), 732-743.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1994). *Asas Pendidikan III: Perkembangan dan Perlaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Longman.
- Kamus Dewan (1996). Edisi Ke-3 Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khalim Zainal, Rohani Ahmad Tarmizi, Zakaria Kasa and Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (2007). Program Sistem Penalti: Kaedah Alternatif Bagi Pengurusan Disiplin Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32. pp. 61-76.
- Khalim Zainal. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2) 2009, 1-14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1988). Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1979). Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengakaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Liong Lian Tai. (2005). Masalah Disiplin Murid di Salah Sebuah Sekolah Rendah Luar Bandar di Daerah Sarikei 2005. Seminar Penyelidikan Pendidikan 2006.
- Manja Mohd Ludin (1990). Psikologi Sosiologi dan Falsafah Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marimuthu,T. (1990). Pengenalan Sosiologi Pendidikan. Petaling Jaya. Penerbitan Fajar Bakti.
- Melati Sumari, Gerard Joseph Louis, Megan Ng Swee Sin (2009). Family Interaction Patterns: Relation to Career Beliefs and Career Maturity of College Students. *The International Journal of Research and Review*, 2, pg 1 – 15.
- Mitchell, B. (1989). The Family Environment and Leaving the Parental Home. *Journal of the Marriage and Family*, 51, 605-613.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2001). Pengurusan perkhidmatan personalia murid. Selangor: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

- Muhammed Sharif Mustaffa dan Suria Abd Jamil (2012). Mengenal Pasti Punca-Punca Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Psychology , & Counseling*, Volume 6 June 2012, 50-73.
- Mohd Ismail Othman. (2008). *Undang-undang Untuk Pengetua & Guru Besar*, PTS Publication, Selangor.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. DBP.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Mortimore, P. (1993). School effectiveness and the management of effective learning and teaching. *School Effectiveness and School Improvement*. Vol. 4 (4), 290–310.
- Nakpodia E. D. (2010). Teachers' disciplinary approaches to students' discipline problems in Nigerian secondary schools. *International NGO Journal* Vol. 5(6), pp. 144-151.
- National Association of Elementary School Principals (1983). *Developing A discipline Code*, in *Your School: Here's how*. Vol 6 (2). Reston, Virginia.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Penyelidikan Pendidikan ke Arah Pemantapan Proses Pengajaran dan Pembelajaran 9-11 Oktober 2006*. Institut Perguruan Rajang, Sarawak.
- Renfrew, J.W. (1997). *Aggression And It Causes: A Bio Psychosocial Approach*. New York: Oxford Universiti Press.
- Rutter, M., Maughan, B., Mortimore, P. and Ouston, J. (1979) *Fifteen Thousand Hours: Secondary Schools and their Effects on Children*. London: Open Books.

Sammons, P., Hillman, J. and Mortimore, P. (1995) Key Characteristics of Effective Schools: a Review of School Effectiveness Research. Report by the Institute of Education, University of London, for the Office for Standards in Education.

Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed. (1994). Fenomena Keruntuhan Akhlak Remaja: Tren, Punca dan Penyelesaian. Jurnal Kebajikan Vol.16 No. 1, Jun 1994.

Skager, R. E. dan Weinberd, D. (1979). Research Methods in Education: A Practical Guide. New Jersey, Englewood Cliffs.

Sufean Hussin. (1993). Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuckmen, B.W. (1978). Conducting Educational Research 3rd ed. New York, Harcourt Brace Jovanovich.

Turner, B. (1973) Discipline in Schools. London: Ward Lock.

Berita Harian, 28 December 2010

Utusan Malaysia, 25 Mac 2004